

27 MAR 2001

Chong-Sumpah (Bergambar)

CHONG ANGKAT SUMPAH KETUA MENTERI SABAH YANG BARU

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Chong Kah Kiat pagi ini mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Upacara berlangsung di Istana Negeri di sini di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan disaksikan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Charles Ho.

Chong, 53, mewakili kaum Cina, menggantikan Datuk Osu Sukam yang telah tamat tempoh jawatan mengikut sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Pelantikan Chong diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Mac lepas.

Chong, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat, akan menamakan barisan baru kabinet negeri yang akan mengangkat sumpah masing-masing di tempat yang sama pukul 2 petang ini.

Dilahirkan di Kudat, di utara Sabah, Chong merupakan satu-satunya pemimpin dari zaman kerajaan Berjaya (1976-1985) yang berjaya melepasi pelbagai cabaran politik Sabah untuk akhirnya kembali menerajui kerajaan negeri.

Lulusan undang-undang dari Victoria University, New Zealand itu mula menceburi bidang politik apabila bertanding dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat pada pilihan raya negeri 1981.

Beliau dilantik sebagai pembantu menteri kepada ketua menteri pada 1982 dan terus menyandang jawatan itu sehinggalah beliau tewas kepada calon Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya negeri 1985 dan 1986.

Chong dan beberapa pemimpin menubuhkan LDP pada 1989 dan menjadi presiden parti itu dua tahun kemudian.

Beliau tidak bertanding pada pilihan raya 1994 tetapi pada 1995 beliau dilantik sebagai senator dan menyertai Kabinet persekutuan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun meletakkan jawatan daripada kabinet Persekutuan pada Mac 1999 untuk bertanding pada pilihan raya negeri tahun berkenaan dan memenangi semula kawasan Kudat.

LDP, yang merupakan parti komponen BN yang tertua di Sabah, kini mempunyai dua daripada 54 kerusi Dewan Undangan Negeri dan satu kerusi Parlimen di Sandakan.

Sebelum dilantik ke jawatan itu, Chong adalah Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi. Beliau adalah Ketua Menteri Sabah yang ke-12.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Osu serta anggota-anggota jemaah menteri dari kabinet negeri yang lepas serta pemimpin parti komponen BN negeri.

-- BERNAMA

NT JS NMO